

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN ORGANISASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

ANUAR BIN PUTEH & AHMAD REDZUWAN MOHD. YUNUS

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor DE.

ABSTRAK

Organisasi merupakan sebagai satu wadah yang dapat menyatu dan menguruskan segala urusan kemasyarakatan. Pengurusan organisasi dilihat sebagai satu aspek yang amat penting dalam menjamin keberlangsungan dan keberkesannya. Organisasi yang diurus secara bersistematik akan melahirkan kesan yang efektif. Islam amat menitikberatkan aspek pengurusan organisasi ini bagi menghasilkan pencapaian dalam sesuatu perkara ke tahap yang paling optimum. Kertaskerja ini secara umumnya akan menyentuh tentang sumber, matlamat, asas dan keberkesanan pengurusan organisasi menurut pandangan Islam. Kajian ini akan dikemukakan secara deskriptif berdasarkan kepada pandangan-pandangan dan idea-idea para sarjana pengurusan lampau dan kontemporari. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya yang terlibat secara langsung dengan aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi.

Kata Kunci Pengurusan, organisasi, Islam.

PENGENALAN

Aspek pengurusan dalam organisasi akan menentukan hala tuju sesebuah organisasi tersebut sama ada menuju kejayaan dan kecemerlangan ataupun menuju kegagalan dan kehancuran. Pengurusan dalam organisasi bolehlah dianggap sebagai nadi penggerak utama kepada organisasi itu. Dalam sistem pengurusan Islam, beberapa garis panduan telah digariskan dalam aspek pengurusan organisasi ini supaya matlamat untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan di dunia dan di akhirat serta untuk mendapat keredhaan Allah swt akan dapat digapai.

MATLAMAT PENGURUSAN ORGANISASI ISLAM

Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), telah menjelaskan bahawa matlamat pengurusan organisasi Islam adalah selari dengan matlamat masyarakat Islam itu sendiri. Pengurusan organisasi Islam telah meletakkan matlamat yang tertinggi untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat dengan keredhaan Allah swt. Antara matlamat yang jelas yang telah diletakkan oleh beliau ialah:

Untuk memastikan perlaksanaan undang-undang Islam dalam semua bidang kehidupan.
Melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah swt dengan mengurus secara adil dan saksama.
Membentuk masyarakat yang bersepadu dan harmoni.

Manakala Harun Taib (1991: 94) telah membicarakan beberapa matlamat pengurusan organisasi Islam dalam peranannya untuk mencapai kejayaan tersebut. Beliau menyatakan bahawa pengurusan organisasi Islam yang dibawa oleh Rasulullah saw telah menetapkan beberapa matlamat. Antara perkara yang terkandung dalam matlamat tersebut ialah:

Pengabdian diri kepada Allah swt.

Perkara pokok yang menjadi tanggungjawab bagi pengurusan organisasi Islam ialah meletakkan matlamat pengabdian diri kepada Allah swt dalam semua perkara dan keadaan. Perintah ini meliputi setiap peringkat pengurusan sama ada di peringkat tertinggi atau di peringkat bawahan. Perkara ini sesuai dengan firman Allah swt dalam surah al-Zar'iyat ayat 56 ertinya:

Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah (mengabdikan diri) kepadaKu.

Menyeru kepada kebaikan (maarif) dan mencegah kemungkaran.

Pengurusan organisasi Islam juga mempunyai matlamat untuk memastikan amal maarif sentiasa tertegak di bumi ini, manakala segala kemungkaran dan maksiat dihindari sama sekali dalam segala hal. Bagi mencapai matlamat ini, pengurusan organisasi Islam perlulah memastikan segala perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal kehidupan umat terlaksana menurut ketetapan syariat. Urusan pendidikan, urusan ekonomi, urusan politik, urusan sosial, urusan muamalah dan sebagainya mestilah dipastikan menjurus ke arah mencapai matlamat tersebut. Allah swt telah berfirman (Ali Imran: 110) ertinya:

Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan kepada manusia untuk menyeru kepada maarif dan mencegah daripada kemungkaran.

Menyampaikan risalah Islam yang syumul.

Setelah kewafatan Rasulullah saw, tugas untuk memastikan matlamat penyebaran risalah Islam yang syumul di bumi ini dipegang oleh para ulama'. Dalam hal ini, pihak pengurusan Islam juga perlu memastikan bahawa mereka termasuk di dalam golongan yang sama bagi memastikan matlamat tersebut terlaksana. Pihak pengurusan organisasi Islam adalah merupakan golongan yang berpengaruh dan berperanan besar dalam masyarakat atau umat. Dengan status dan kedudukan istimewa yang dimiliki itu, mereka mampu memainkan peranan dengan sebaiknya bagi tujuan tersebut. Firman Allah swt ertinya:

Dan tidak Kami utuskan engkau melainkan sebagai rahmat untuk seluruh alam (al-Anbiya': 107).

Inilah antara beberapa matlamat pengurusan organisasi Islam. Bermula dengan ruang yang kecil, bergerak secara komprehensif kepada ruang yang lebih besar. Secara jelasnya, matlamat pengurusan organisasi Islam ini boleh dicapai melalui perancangan dan pengurusan berkesan yang berkisar di sekitar beberapa perkara iaitu:

Penumpuan kepada perkara asas agama dan keperluan manusia.

Mendukung falsafah, akhlak dan nilai-nilai masyarakat sebagai sebuah masyarakat Islam.

Mengutamakan ciri-ciri kemanusiaan dan kerohanian.

Menitikberatkan peraturan dan pelaksanaan tanggungjawab di setiap peringkat (Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996: 66).

ASAS-ASAS PENGURUSAN ORGANISASI ISLAM

Pengurusan Organisasi Islam terlaksana berpandukan kepada beberapa asas utama. Asas-asas ini akan menentukan pengurusan organisasi Islam tidak akan tersasar atau terpesong daripada matlamat dan hala tujunya yang sebenar. Asas-asas ini merupakan himpunan beberapa nilai yang nyata seperti nilai tauhid, nilai akhlak, nilai syariat dan nilai 'uruf.

Nilai Tauhid.

Tauhid menjadi sumber inspirasi yang penting dalam menggerakkan tenaga umat Islam secara bersepadu. Nilai tauhid akan memberikan semangat kepada setiap jiwa individu untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dan keredhaan Allah swt. Pengurusan organisasi Islam yang berpusat kepada aqidah tauhid sebagai satu sistem yang meliputi perilaku individu dan hubungan kemasyarakatan akan menjadikannya mampu untuk beroperasi dengan mantap (Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1984:24).

Pengurusan organisasi Islam semestinya berpegang dan bergantung erat kepada kuasa tertinggi dan mutlak milik Allah swt bagi memastikan setiap tindakan dan keputusan berlaku atas landasan yang sempurna. Pengurusan yang berlandaskan tauhid ini akan menjadikan segala usaha dan kesungguhan yang dianugerahkan oleh Allah swt sebagai satu hasil yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak secara bersama.

Nilai Akhlak.

Pengurusan organisasi Islam amat mementingkan keharmonian dan kehormatan sejagat (Berhanudin Abdullah, 1997:59). Nilai-nilai akhlak yang baik dan sempurna sentiasa dipraktikkan dalam semua urusan. Nilai akhlak Islam ini diamalkan secara berterusan sebagai asas kepada kesempurnaan dan kehormatan sesebuah organisasi Islam. Sekiranya berlaku pemisahan nilai akhlak ini daripada pengurusan organisasi Islam, gejala buruk dan keruntuhan moral akan wujud seperti pecah amanah, gejala rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya. Jika dilihat kepada kejayaan pengurusan Rasulullah saw, antara asas utama yang menjadi pemangkin kejayaan dan kesempurnaan organisasi Islam ialah asas akhlak yang mulia dan terpuji. Baginda sendiri digelar *al-amin* sama ada oleh orang Islam (para sahabat) dan juga di kalangan orang musyrikin. Firman Allah swt dalam surah al-Ahzab ayat 21 ertinya:

Demi sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah itu adalah sebaik-baik contoh ikutan iaitu bagi orang-orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik di hari akhirat serta banyak berzikir (mengingati) Allah.

Nilai Syariat.

Jaminan kepada kelancaran dan keberkesanan pengurusan organisasi Islam adalah tertumpu kepada tindakan dan amalan yang bergantung kepada syariat Islam. Syariat telah menggariskan beberapa panduan, kaedah, wasilah dan pendekatan yang jelas sesuai dengan fitrah pengurusan Islam. Nilai syariat ini mempunyai sifat yang tetap dalam perkara-perkara asas atau dasar, manakala bersifat fleksibel dalam perkara-perkara cabang. Pihak pengurusan perlu memahami asas ini kerana dengan memahaminya akan mempengaruhi tindakan dan keputusan yang akan dibuat tanpa terpengaruh dan cenderung kepada mana-mana kepentingan atau tunduk kepada mana-mana tekanan. Mereka hanya perlu patuh dan menuruti batasan-batasan yang telah dinyatakan oleh syariat Islam tanpa rasa berbelah bagi walaupun mungkin tindakan mereka tidak dipersetujui oleh semua pihak.

Nilai ^curuf.

^cUruf masyarakat setempat juga memainkan peranan yang besar dalam pengurusan organisasi Islam. Peribahasa Melayu juga ada menyebutkan berkenaan perkara ini iaitu "*agama dijunjung, adat dikendong*", yang menunjukkan betapa masyarakat juga tertakluk di bawah ketetapan adat setempat. Namun nilai ^curuf ini tidaklah mengatasi nilai agama dan sekiranya berlaku pertentangan di antara keduanya, nilai agama akan dipegang dan nilai ^curuf tersebut terpaksa ditinggalkan.

Setiap amalan dalam pengurusan organisasi Islam yang tidak bertentangan dengan Islam boleh diteruskan. Bahkan amalan yang bersifat sebegini menjadi sumber sokongan dan pelengkap kepada sesebuah organisasi Islam. Perlaksanaannya akan membantu menambahkan kepercayaan masyarakat sehingga mereka sanggup bekerja lebih bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dalam memperjuangkan keunggulan Islam yang menjadi matlamat setiap organisasi Islam.

KEBERKESANAN PENGURUSAN ORGANISASI ISLAM

Dalam pengurusan organisasi Islam, keberkesanannya mampu dilihat berdasarkan kewujudan beberapa perkara penting seperti wujudnya pengorganisasian, ada unsur dorongan atau motivasi, berlakunya komunikasi dan terdapat penyelarasan dalam semua keadaan.

Pengorganisasian.

Pengorganisasian adalah merupakan pelaksanaan kepada keputusan-keputusan yang diambil setelah dibuat perancangan yang teratur berpandukan matlamat. Pengorganisasian lebih dikenali sebagai pembahagian tugas di kalangan anggota organisasi serta mengatur sumber fizikal dan tenaga secara tersusun dan memaksimumkan penggunaannya. Pengorganisasian dibentuk di kalangan anggota organisasi mengikut jawatan dan kebolehan masing-masing supaya pelaksanaan tugas berjalan dengan adil dan saksama (Berhanudin Abdullah dalam Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. 2000: 41).

Dengan adanya pengorganisasian secara tersusun dan dipatuhi, segala keputusan dan arahan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Risiko untuk berlakunya pertindihan tugas atas kepentingan tertentu akan dapat dikurangkan. Secara tidak langsung ia akan menyahkan kerenah birokrasi yang bersifat negatif

dan akan menyumbangkan kepada pencapaian yang optima dalam setiap gerak kerja yang dilakukan. Setiap anggota organisasi akan mengetahui tentang bidang tugas dan keperluan masing-masing dalam konteks keberadaan mereka dalam organisasi tersebut.

Namun begitu, masih terdapat ruang untuk setiap anggota mengambil tahu dan peka kepada setiap keperluan organisasi biarpun dalam bidang yang berlainan. Seseorang anggota dari bidang lain boleh mengambilalih fungsi dan peranan ahli bidang yang lain sekiranya diperlukan dan mendatangkan manfaat kepada organisasi secara keseluruhannya.

Dorongan

Dalam usaha untuk memberikan kepuasan kepada anggota pengurusan, unsur dorongan atau motivasi memainkan peranan yang amat penting. Unsur dorongan ini akan mempengaruhi kecenderungan bekerja dan merangsang hati untuk mempertingkatkan gerak kerja seseorang (Sulaiman. T.th.: 213). Dengan itu, dalam usaha untuk menarik ahli atau anggota dalam sesebuah organisasi beberapa kaedah telah dibuat sama ada melalui upah, moral, penetapan matlamat dan lain-lain sebagai pendorong atau sumber motivasi kepada mereka.

Namun, dorongan yang dilihat paling ideal dalam pengurusan organisasi menurut kacamata Islam ialah melalui tazkiah dan bimbingan kerohanian serta pengukuhan akhlak dan moral ahli organisasi. Melalui dorongan dalam bentuk dalaman ini akan memastikan anggota organisasi tersebut sentiasa terikat dengan satu norma sahsiah yang akan menjadi pemantau kepada setiap tindak tanduk mereka. Sahsiah yang murni dan pekerti akhlak yang mulia melalui bimbingan dan tazkiah dalaman tersebut merupakan senjata yang paling efektif untuk memerangi kebejatan serta gejala negatif dalam pengurusan organisasi seperti rasuah, penyelewengan kuasa, monopoli kuasa dan sebagainya.

Komunikasi.

Kesempurnaan pengurusan dalam organisasi bergantung rapat kepada kesempurnaan komunikasi. Komunikasi berperanan dalam menyatupadukan semua anggota organisasi. Kewujudan persefahaman yang utuh di antara semua pihak sebagai hasil daripada wujudnya komunikasi di antara mereka akan membina satu kekuatan dalam perancangan dan pelaksanaan pengurusan sesebuah organisasi. Komunikasi membantu mewujudkan penyelarasan usaha, ikatan perhubungan dan merapatkan kerjasama seterusnya memastikan matlamat organisasi akan dapat dicapai (Ahmad Redzuwan Mohd.Yunus & Anuar Puteh 2001:124).

Penyelarasan.

Suatu keadaan yang sangat penting dalam pengurusan organisasi ialah wujudnya penyelarasan dalam semua perkara. Penyelarasan hendaklah bersandarkan kepada dasar Islam dan tidak bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam. Kewujudan penyelarasan akan dapat menyatukan segala tindakan dalam pengurusan dengan kemampuan memanfaatkan sepenuhnya sumber fizikal dan material tanpa berlaku pembaziran. Dengan adanya penyelarasan ini juga, segala permasalahan dalam pengurusan akan lebih mudah untuk dikenalpasti dan diatasi dengan segera.

KESIMPULAN

Aspek pengurusan sesebuah organisasi Islam adalah merupakan satu perkara penting dan perlu dititikberratkan untuk memastikan keberlangsungan dan kejayaan kehidupan umat di dunia dan di akhirat. Sistem pengurusan organisasi Islam mempunyai panduan dan hala tuju yang jelas merangkumi aspek-aspek matlamat, asas-asas dan unsur-unsur yang memastikan keberkesananannya.

Sejarah kegemilangan umat Islam terdahulu telah membuktikan bahawa aspek pengurusan yang mempunyai disiplin dan moral serta disistemkan secara sistematik telah dapat mengangkat darjat dan kedudukan umat ke tahap yang tinggi. Keadaan ini dibuktikan oleh Rasulullah saw sendiri yang telah mencapai kejayaan yang besar dalam mencorakkan negara dan masyarakat termasuk masyarakat non-Muslim yang bernaung di bawah kekuasaan baginda. Kegemilangan tersebut telah disambung pula oleh para sahabat khususnya Khulafa' al- Rasyidin yang telah menguasai hampir satu per tiga daripada dunia

ketika itu. Dapat dirumuskan bahawa pengurusan organisasi Islam ialah bertujuan untuk mengatur kehidupan umat dan mengharapkan kejayaan di dunia serta akhirat dengan keredhaan Allah swt.

RUJUKAN

al- Qur'an al-Karim

Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1984. *Al- Idarah fi al-Islam*. Khurtum: Dar al-Sudaniyah li al-Kutub.

_____. 1991. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Redzuwan Mohd.Yunus & Anuar Puteh.2001.*Kepimpinan dan pengurusan Islam*.Bangi:Penerbit Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM.

Berhanundin Abdullah. 1997. *Amal jamaie dalam organisasi Islam*. Terengganu: Zabib Enterprise.

_____ dalam Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. 2000. *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia konsep dan perlaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Harun Taib. 1991. *Berbilang-bilang jamaah: Sebab-sebab dan beberapa saranan untuk mengatasinya*. Kuala Terengganu: Pustaka Sinaran.

Sulaiman, Hanafy Mahmud. T.th. *Al-Suluk al-idari wa tatwir al-munazzamat*. Al-Iskandariyah: Dar al-Jamiat al-Misriyah.

Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam abad ke-21 revolusi pengurusan untuk keunggulan sektor awam dan korporat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.